

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VI - KEWANGAN
Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis**

Seksyen 77. Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah.

Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal-

(a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;

(b) semua nazr am; dan

(c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak, setakat mana-mana harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Melaka.
